

Pensyarah UMS raih anugerah Honourable Commendation Wenhui Asia-Pasifik



ANUGERAH: Prof. Madya Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah (dua kanan) dari UMS menerima anugerah Honourable Commendation Wenhui untuk Inovasi Pendidikan 2019 Asia-Pasifik di Jihan China, disampaikan oleh Wangyong (kanan) dan Wang Libing (kiri) menyampaikan anugerah kepada Ding Junfeng (dua kiri).

UB 21.12.2019

KOTA KINABALU: Pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah telah meraih anugerah Honourable Commendation dalam Anugerah Wenhui untuk Inovasi Pendidikan 2019 Asia-Pasifik (Wenhui Award for Asia Pasific Educational Innovation 2019) dalam majlis anugerah yang berlangsung pada 14 - 15 Disember lalu, di Jinan, China.

Sebanyak 30 penyertaan daripada 18 negara di Asia-Pasifik diterima untuk pencalonan Honourable Commendation dalam Anugerah Wenhui untuk Inovasi Pendidikan 2019.

Selain Malaysia dan China selaku tuan rumah, negara lain yang mengambil bahagian antaranya termasuklah Australia, Kazakhstan, Sri Lanka dan sebagainya.

Dua individu atau institusi dipilih oleh para panel juri untuk menerima Honourable Commendation, manakala seorang lagi penerima Honourable Commendation ialah Ding Junfeng, Pengasas FABO, Kolej Reka Bentuk dan Inovasi, Universiti Tongji, China.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Naib Ketua Editor Pengajaran dan Penyelidikan Bahasa Asing, Wangyong dan juga Ketua Seksyen untuk Penyelidikan Inovasi dan Pembangunan Kemahiran, Biro Serantau untuk Pendidikan UNESCO Asia dan Pasifik, Wang Libing.

Turut menyertai anugerah tersebut dari Malaysia ialah pensyarah dari Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang dengan projek bertajuk University and School Partnership for ESD: Empowering Students and Teachers through Multi-faceted Informal Experiential Learning Regional Centre of Expertise on ESD Penang.

Penerima anugerah diberikan Sijil Merit sebagai penghargaan kerana menunjukkan amalan inovatif dan usaha cemerlang dalam pembangunan perkongsian pendidikan, sesuai dengan tema Anugerah Wenhui 2019 iaitu 'Menggalakkan Perkongsian Universiti dan Sekolah dalam Memajukan Agenda Pendidikan 2030 (Promoting University and School Partnerships in Advancing the Education 2030 Agenda).

Ini adalah selaras dengan matlamat bilangan empat Agenda Pembangunan Pendidikan Mampan UNESCO 2030 iaitu memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua, serta visi pendidikan UNESCO untuk menyediakan dan meningkatkan peluang pembelajaran yang berkualiti terutamanya kepada mereka yang kurang bernasib baik, kurang terdedah dan dipinggirkan.

Projek Dr. Siew bertajuk Program Outreach Mentor-Mentee: Menggalakkan Perkongsian Universiti dan Sekolah dalam Memperkuatkannya Pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik) di Sekolah Menengah Luar Bandar (Mentor-Mentee Outreach Program: Promoting

University and School Partnerships in Revitalizing STEM Education in Rural Secondary Schools) berjaya memenangi hati para juri.

Matlamat projek ini adalah untuk merapatkan jurang pencapaian Pendidikan STEM antara sekolah-sekolah luar bandar dan bandar di Sabah, Malaysia.

Projek ini berjaya membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran STEM, dan sikap terhadap STEM dalam kalangan pelajar dari sekolah kawasan luar bandar, serta mempertingkatkan keupayaan guru dalam perkhidmatan dan pra-perkhidmatan dalam pementoran dan penilaian aktiviti STEM.

Ini adalah sejajar dengan tema anugerah tahun ini, yakni menggalakkan perkongsian universiti dan sekolah dalam memajukan Agenda Pendidikan 2030.

Mengambilkira keupayaan pendidikan dan semangat inovatif manusia untuk menangani dan menyelesaikan masalah dan isu pendidikan yang dihadapi, Program Pendidikan Inovasi Asia-Pasifik UNESCO untuk Pembangunan (APEID) dan Suruhanjaya Kebangsaan Republik Rakyat China untuk UNESCO telah menuahkan Anugerah Wenhui untuk Inovasi Pendidikan sejak 2010.

Objektif khusus Anugerah Wenhui 2019 adalah untuk menilai dan menggalakkan perkongsian universiti-sekolah dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat, di samping mengiktiraf sumbangan kolektif individu atau institusi dalam membangunkan perkongsian universiti-sekolah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan kebijaksanaan tempatan dalam perkongsian universiti-sekolah yang inovatif dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sesungguhnya, kejayaan Prof. Madya Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah merangkul anugerah tersebut bukan sahaja berjaya menjulang nama dan membanggakan warga UMS, tetapi juga turut mengharumkan nama Malaysia dalam dunia pendidikan di persada antarabangsa. – Artikel sumbangan Salman Abadi.